

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 29 JULY 2017    |

## Sokong Pakatan Harapan ibarat bunuh diri

UM- 29/7/2017 Pg. 11

**ALOR SETAR 28 Julai** - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempengaruhi rakyat menyokong Pakatan Harapan yang diketuai DAP boleh diibaratkan seolah-olah mengajak orang Melayu untuk membunuh diri.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, rakyat perlu menolak perjuangan yang dibawa Dr. Mahathir menerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) demi survival orang Melayu di negara ini.

“Kita hormat Dr. Mahathir kerana beliau banyak berjasa kepada negara ketika menjadi Perdana Menteri dahulu. Tapi kini kita sudah berbeza ideologi politik. Kita sudah tidak boleh nak menyokong Dr. Mahathir lagi kerana beliau su-

dah pergi ke lorong yang salah.

“Beliau telah bersatu dengan DAP yang kita tahu matlamat parti itu sejak sekian lama adalah untuk menghancurkan orang Melayu, macam mana Dr. Mahathir boleh pergi ke situ? Mengajak kita (orang Melayu) menyokong ke situ (Pakatan Harapan)?

“Ajak kita ke situ ibarat mahu membunuh diri. Dr. Mahathir nak mengajak kita membunuh diri,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Seri Mohd. Johari Baharum dan Ketua Pergerakan Puteri bahagian, Rosliza Hasan.

Menurut Tajuddin, rakyat diingatkan supaya tidak terpedaya

dengan sikap DAP yang berbaik- baik dengan PKR, PAN mahupun PPBM dalam Pakatan Harapan semata-mata untuk mendapatkan kepercayaan orang Melayu seperti dilakukan Lee Kuan Yew di Singapura pada masa lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, PRU-14 adalah soal survival orang Melayu yang kini berada di persimpangan jalan sama ada UMNO akan terus memerintah atau kehilangan kuasa.

“Kalau UMNO yang mewakili orang Melayu hilang kuasa... kuasa akan pergi kepada mereka yang menjadi ancaman kepada survival Melayu. Oleh itu, semua jentera UMNO perlu diperkuat kerana pilihan raya umum akan datang merupakan penentu survival orang Melayu... penentu hidup atau matinya orang Melayu,” ujarnya.